

**Tinjauan Pendapat Menunjukkan Ramai Generasi Muda Tidak Minat Daftar Sebagai Pengundi Bernama  
30 Mac, 2012**

PETALING JAYA, 30 Mac (Bernama) -- Sekurang-kurangnya separuh daripada bilangan golongan muda yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih tidak berminat berbuat demikian, menurut kaji selidik firma tinjauan pendapat Merdeka Centre dan Institut Kebangsaan Integriti Pilihan Raya (NIEI).

Kajian yang dijalankan tahun lepas, mendapati mereka yang berumur antara 21 dan 30 tahun tidak berminat kerana mereka merasakan ia tidak penting atau memerlukan tindakan segera, kata Pengarah Merdeka Centre Ibrahim Suffian.

Ia membabitkan 2,400 responden berusia 21 tahun ke atas yang dipilih secara rawak daripada 240 daerah mengundi di 60 kawasan Parlimen seluruh negara.

Responden juga menegaskan bahawa mendaftar sebagai pemilih, atau mengundi, tidak membawa apa-apa perubahan, katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran Laporan Audit Daftar Pemilih Kebangsaan 2011, di sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655999>